Alive in Jesus

Beginner

Penciptaan

TAHUN A • KWARTAL 1

Kebaktian Kecil

Salah satu kemahiran hidup yang paling penting yang boleh anda ajarkan kepada anak anda adalah mencari Tuhan setiap hari dalam kebaktian peribadi. Walaupun anak anda kini hanya berumur 1, 2 atau 3 tahun, ia tidak terlalu awal untuk mula mengajar mereka cara melakukan ini dengan cara yang mudah.

Bagaimanakah saya boleh mula mengajar anak Beginner saya untuk memalingkan hatinya kepada Yesus?

1. BERDOA: Setiap hari, berdoalah agar hati anak anda dibukakan kepada Yesus.

2. DALAM SETIAP DETIK SETIAP HARI: Cari peluang untuk bercakap tentang Yesus dan betapa anda mengasihi Dia. Nyanyikan lagu mudah tentang ini dan ajar anak anda menyanyi bersama anda. Pujian yang spontan dan tulen pada usia ini adalah bahagian penting dalam membina iman.

3. TEMPAT KEBAKTIAN ANDA: Pilih kerusi, ambang tingkap, atau tempat biasa di mana anda akan membaca Alkitab dan berdoa setiap hari. Lakukan ini di bahagian yang kelihatan di rumah anda, seperti ruang tamu, supaya anak anda melihat anda meluangkan masa bersama Yesus.

4. TEMPAT KEBAKTIAN ANAK ANDA: Tidak jauh dari ruang belajar Alkitab anda, sediakan tempat untuk anak anda meluangkan masa bersama Yesus. Hamparkan tikar kecil atau tuala di atas lantai, bersama-sama dengan beberapa buku Alkitab bergambar yang ringkas (buka mainan dan gangguan lain). Pastikan anak anda tidak letih atau lapar pada masa ini, supaya ia satu masa yang menyeronokkan yang mereka nanti-nantikan.

5. MASA BERSAMA YESUS: Jelaskan kepada anak anda bahawa setiap hari, pada masa yang sama, anda berdua akan meluangkan masa bersama Yesus. Ini akan menjadi masa yang tenang, di mana anda akan membaca, berdoa, atau menyanyi kepada Yesus. Tunjukkan kepada anak anda bagaimana mereka boleh melihat gambar-gambar dalam buku-buku Alkitab dan memikirkan cerita-ceritanya. Jelaskan bahawa apabila Ibu/Ayah meluangkan masa bersama Yesus, anak anda akan meluangkan masa bersama Yesus juga. Anda tidak akan bercakap atau membaca cerita bersama-sama pada masa ini, walaupun anda boleh melakukannya kemudian! Sebagai permulaan, luangkan dua hingga lima minit masa individu, bergantung pada keupayaan mereka untuk duduk diam dan fokus. Tambah masa secara beransur-ansur apabila anak anda semakin besar.

IDEA BESAR: Tuhan menciptakan langit dan bumi.

MInggu 1: Pengenalan Penciptaan

Pada Mulanya

Pelajaran ini adalah berdasarkan Kejadian 1:1, 2 dan *Patriarchs and Prophets*, ms. 44-51.

Pada mulanya, sebelum adanya kepulan awan gebu atau ulat bulu, ada Tuhan. Sebelum ada bintang yang berkelipan atau lautan yang biru, Tuhan menciptakan tempat istimewa untuk anda. Terdapat banyak perkara yang Dia akan lakukan. Dalam *(kira dengan jari anda sehingga nombor enam)* satu . . . dua . . . tiga . . . empat . . . lima . . . enam hari, dunia akan menjadi sempurna dan baharu.

Tuhan akan memenuhi bumi dengan pelbagai warna yang dapat kita lihat: merah, kuning, biru, dan hijau. Akan ada bunyi baharu untuk didengar dan makanan lazat untuk dimakan. Yang terbaik antara semua, ialah sahabat-sahabat yang Dia akan temui. Tuhan sangat baik, dan segala yang dicipta-Nya bagi kita adalah baik.

Pada mulanya bumi diliputi air. Tidak ada ikan lumba-lumba yang suka bermain atau ikan paus besar yang hebat; tidak ada perahu yang bersedia untuk belayar. Tuhan ingin mencipta tempat yang indah untuk anda berada, dengan haiwan-haiwan yang besar *(merentangkan tangan)* **dan kecil** *(merapatkan tangan)* **untuk anda lihat. Dia mahu menciptakan orang-orang seperti anda** *(tunjuk kepada anak)* **dan seperti saya** *(tunjuk kepada diri sendiri).* **Jadi Dia melakukannya. Tuhan itu baik, dan semua yang Dia ciptakan untuk kita adalah baik.**



Pada mulanya bumi kosong dan gelap. Tidak ada bintang yang berkelip *(kelipkan jari)* yang bersinar dalam kegelapan; tidak ada burung hantu bersuara dari sarangnya *(hoo-hoo)*. Tuhan ingin mencipta dunia yang indah untuk anda lihat, penuh dengan cahaya untuk siang dan malam. Dia mahu membuat hari istimewa untuk bersama-sama dengan anda. Jadi Dia melakukannya. Tuhan itu baik, dan semua yang Dia ciptakan untuk kita adalah baik.

Pada mulanya Tuhan menciptakan langit dan bumi *(tunjuk ke atas dan ke bawah)* untuk anda dan saya. Tuhan memenuhi bumi dengan padang rumput dan lebah madu dan sungai yang mengalir dan laut yang berombak kerana Dia mengasihi anda. Dia menjadikan langit dengan matahari dan bulan untuk melihat. Tuhan mahu mencipta semua ini untuk anda dan saya. Apa yang akan Tuhan buat pada Hari 1? *(Tunjuk pada nombor 1 dalam bulatan di bawah)* Tuhan sangat baik, dan semua yang Dia ciptakan untuk kita adalah baik.

main sepanjang hari

Mencipta
Buat Buku Penciptaan dengan anak anda. Gunakan lembaran kertas biasa untuk membentukkan sebuah buku, yang boleh diikat bersama pada penghujung kwartal ini. Setiap minggu, hari penciptaan baharu akan ditambah. Pada minggu ini, tumpukan pada muka depan buku. Minta anak anda memikirkan beberapa perkara yang mereka suka yang Tuhan telah ciptakan. Cari atau cetak gambar-gambar binatang atau tumbuhan, atau lukis bersama pada muka depan buku anda. Kemudian tulis ayat hafalan pada muka depan itu.

Meneroka
Gunakan permainan air untuk mempelajari tentang ciptaan Tuhan. Penuhi besen dengan satu pertiga air. Sediakan pelbagai benda untuk anak anda reka dan cipta dunia kecil mereka sendiri: serpihan kayu, tumbuhan akuarium, batu, ranting, bunga, daun, dan ikan dan itik mainan.

Belajar
Nyanyikan lagu "God Is So Good," atau lagu lain yang menekankan kasih Tuhan dengan anak anda.

Berhubung
Tulis ayat hafalan pada sekeping kertas kemudian gunting setiap perkataan. Lukis gambar pada belakang setiap perkataan untuk membantu anak anda memahami maksudnya. Sembunyikan perkataan bergambar itu di sekitar ruang bilik dan minta anak anda mencari harta karun tersebut. Sesudah ia dijumpai, bantu anak anda menyusun semula perkataan kepada ayat yang betul dan katakannya beberapa kali untuk mempelajarinya. Tidakkah hebatnya Tuhan kerana menciptakan dunia yang indah!

Berdoa
Sepanjang minggu, lihatlah kebaikan Tuhan dan bincangkannya dengan anak anda. Teroka persekitaran anda untuk mencari perkara baik yang Tuhan ciptakan untuk kita. Sementara anda menemui kebaikan Tuhan dengan anak anda, berhenti untuk katakan "Terima Kasih" kepada Tuhan untuk setiap perkara tertentu.

Ayat Hafalan Mingguan: "Pada mulanya TUHAN menciptakan langit dan bumi" (Kejadian 1:1).

THE HEART OF THE MATTER

For You, Parents

Tuhan itu sangat baik, dan segala yang Dia ciptakan adalah baik. Tuhan mengambil sesuatu yang kosong dan gelap, dan memenuhinya dengan kebaikan-Nya. Dia mencipta bumi penuh dengan perkara-perkara yang baik untuk anda dan anak anda! Dia ingin anda tahu dan lihat bahawa Dia baik. Tuhan rindu untuk memenuhi kehidupan anda dengan kebaikannya. Dalam kesibukan sehari-hari, sangat mudah untuk perkara ini dilupakan. "Dalam burung yang berkicau dan bunga yang mekar, dalam hujan dan sinar matahari, dalam bayu musim panas dan embun lembut, dalam beribu-ribu objek-objek di alam semula jadi, dari pokok oak di hutan sehinggalah bunga violet yang mekar pada akarnya, dapat dilihat kasih yang memulihkan. Dan alam masih membicarakan tentang kebaikan Tuhan kepada kita" (Ellen G. White, Child Guidance, ms. 47).

Minta Tuhan untuk mendedahkan kebaikan-Nya kepada anda sepanjang hari-hari sibuk anda. Lebih kerap anda mencari Dia dalam setiap detik, lebih terbuka mata anda untuk menemui Dia. Walaupun hari anda kelihatan gelap atau kosong, anda akan mula melihat bahawa kebaikan-Nya tersedia untuk memenuhi kekosongan. Sama ada dalam panggilan seorang rakan atau dalam matahari yang terbit setiap pagi, kebaikan Tuhan ada si sekeliling anda. Carilah Dia, dan Dia berjanji anda akan menemui Dia (Amsal 8:17). Kongsikan kebaikan-Nya dengan mereka yang ada di sekeliling anda, dan mereka juga akan mendapati bahawa Dia itu sangatlah baik!

"Bersyukurlah kepada TUHAN, kerana Dia baik; kasih-Nya kekal abadi."
(1 Tawarikh 16:34).

"TUHAN baik kepada semua, dan belas kasihan-Nya meliputi semua ciptaan-Nya."
(Mazmur 145:9, AVB).

IDEA BESAR: Tuhan menciptakan cahaya.

MInggu 2: Penciptaan Hari 1

Tuhan Menciptakan *Cahaya*



Pelajaran ini adalah berdasarkan Kejadian 1:3-5; Yohanes 1; Mazmur 104; dan *Patriarchs and Prophets,* ms. 44-51.

Duduk bersama anak anda di bawah selimut dengan lampu suluh.

Pada mulanya, sebelum anak-anak singa bermain, atau harimau bintang berlari berkejaran, adanya Tuhan. Sebelum Tuhan menciptakan bumi untuk anda dan saya, ia gelap dan kosong.

Ia sangat gelap *(berbisik)*. Tidak ada cahaya yang bersinar. Tidak ada matahari atau bulan, atau kerlipan bintang-bintang untuk dilihat. Hanya kegelapan di seluruh bumi.

Tuhan mempunyai rancangan yang istimewa untuk hari pertama *(angkat satu jari)*. Masa sudah tiba, dan Dia sangat teruja untuk bermula! Dia mahu menciptakan sebuah dunia yang indah untuk anda dan saya. Ini akan menjadi hari pertama Penciptaan. Semua pun senyap, menunggu untuk melihat apa yang Tuhan akan lakukan.

Kemudian dari kegelapan suara Tuhan yang kuat dan baik bergema di air: "Jadilah terang!" *(anak memasang lampu suluh)*. **Dan jadilah terang! Tuhan berfirman, dan kegelapan pun hilang!**

Cahaya bersinar-sinar dipantulkan air yang memenuhi bumi *(goyangkan jari ke kiri dan ke kanan)*. **Tuhan menciptakan cahaya untuk menerangi setiap hari dan memisahkannya dari kegelapan pada waktu malam. Itulah hari siang pertama di bumi. Pagi yang berkilauan dengan pelbagai warna cahaya. Tuhan melihat cahaya itu dan melihat ia baik.**

Tuhan menciptakan cahaya untuk memenuhi bumi pada Hari 1. Dapatkah anda melihat cahaya bersinar di sekitar anda? Cahaya Tuhan bersinar setiap hari dengan indah, suatu pemberian kasih untuk anda dan saya *(peluk anak)*. Rancangan Tuhan yang sempurna telah bermula. Ada banyak lagi yang Tuhan akan lakukan. Setiap hari akan membawa sesuatu yang baharu. Apakah yang akan dicipta-Nya pada Hari ke-2? *(Angkat dua jari.)*

(Katakan bersama) Terima kasih Tuhan kerana menciptakan cahaya!

main sepanjang hari

Mencipta

Buat Hari 1 dalam Buku Penciptaan anak anda (dari minggu lalu). Gunting kertas berwarna hitam dan kuning kepada jalur dan lekatkan pada halaman untuk menunjukkan perbezaan terang dan gelap. Tulis, "Pada Hari 1 Tuhan Menciptakan Cahaya," di bawah halaman itu.

Meneroka

Satu malam sebelum tidur, buat kubu selimut dan sembunyikan binatang mainan di dalamnya. Kongsikan bagaimana apabila cahaya menyinari pada kegelapan ia boleh membantu kita mencari benda-benda baik yang Tuhan telah ciptakan. Ambil masa untuk berdoa dan berterima kasih kepada Tuhan untuk cahaya indah yang menyinari dunia kita.

Belajar

Cahaya diperbuat dari pelbagai jenis warna. Isi gelas jernih dengan air dan letakkan pada hujung sebuah meja. Letakkan sehelai kertas putih di atas lantai kira-kira sekaki dari meja. Pancarkan lampu suluh melalui gelas tersebut sehingga cahaya dipantulkan kepada warna-warna yang akan bersinar pada kertas. (beberapa jenis lampu suluh mungkin memerlukan celah kecil untuk menumpukan sinaran, yang boleh dibuat dengan menggunakan pita pelekat.) Puji Tuhan untuk setiap warna-warna yang indah yang Dia telah ciptakan bagi kita.

Bernyanyi

Nyanyi "This Little Light Of Mine" bersama-sama pada minggu ini. Guna lampu suluh atau lilin bateri semasa anda bernyanyi.

Berdoa

Pada minggu ini, hias bilik anak anda dengan lampu Krismas. Setiap malam, sebelum tidur, ambil masa untuk berdoa, berterima kasih kepada Tuhan kerana menciptakan cahaya. Minta Yesus untuk menolong anda menjadi cahaya yang bersinar untuk Dia.

Ayat Hafalan Mingguan: "Tuhan berfirman, 'Hendaklah ada cahaya,' lalu cahaya pun ada" (Kejadian 1:3).

THE HEART OF THE MATTER

For You, Parents

Bayangkan suara Tuhan yang indah dan megah bergema dia atas air. Dalam Mazmur kita membaca tentang suara Tuhan yang seperti "guntur" dan dalam Wahyu ia seperti "deruman air terjun." Ia suara yang berkuasa dan maha agung yang membawa terang kepada kegelapan, dan suara yang sama inilah juga yang memanggil anda dengan lembut. Sama seperti anda menjemput anak-anak untuk datang duduk dengan anda untuk mengongsikan sebuah cerita atau memberikan satu pelukan, Tuhan juga rindu untuk menarik anda dekat, dan memenuh hidup anda dengan cahaya-Nya.

Pada hari pertama Penciptaan bumi bersinar dengan cahaya, dari kehadiran Tuhan sendiri. Cahaya Tuhan suci dan baik. Ia menerangkan tempat-tempat yang gelap dan kelam dengan kebaikan-Nya. Ia menenangkan kita apabila hari-hari kita diselubungi dengan kegelapan, dan mengingatkan kita bahawa setiap pagi adalah hari yang baharu.

Anda mungkin mempunyai detik-detik di mana hari anda penuh tetapi anda berasa kosong. Anda sudah banyak kali tersandung mainan-mainan atau membersihkan kotoran makanan pada lantai, tenaga dan kesabaran anda sudah lupus. Inilah masanya apabila ia sangat sukar untuk menjawab panggilan-Nya.

Tarik nafas yang panjang, hembuskan sebuah doa, atau nyanyi puji kepada Tuhan. "Lagu mempunyai kuasa yang indah. Ia mempunyai kuasa untuk menawan sifat-sifat yang kasar dan tidak berbudaya; kuasa untuk mempercepatkan pemikiran dan untuk membangkitkan simpati, untuk menggalakkan tindakan, dan untuk menyingkirkan kekelaman dan ramalan buruk yang merosakkan keberanian dan melemahkan usaha" Ellen G. White, Education, ms. 168).

Cahaya-Nya akan bersinar dalam hati anda. Ia tidak dapat dikekang. Cahaya Tuhan yang mulia akan bersinar melalui hidup anda, memperbaharui semangat anda dan memenuhi rumah anda dengan kebaikan-Nya.

"Tuhan yang berfirman, 'Daripada kegelapan, cahaya akan bersinar.' Tuhan itu juga yang menyebabkan cahaya-Nya bersinar di dalam hati kami, sehingga kita dapat memahami kemuliaan Tuhan yang bersinar pada wajah Kristus. Tetapi kami yang memiliki harta rohaniah ini, seperti bekas yang dibuat daripada tanah. Dengan demikian nyatalah bahawa kekuasaan tertinggi dimiliki oleh Tuhan, bukan kami"
(2 Korintus 4: 6,7).